

Mahathir mahu Ku Li jawab 'ya atau tidak'

MAHATHIR MAHU KU LI JAWAB "YA ATAU TIDAK"

UM 3 - OCT 1990
Serentak dengan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir juga hendak tengok siapa akan sapu 'cat hitam' dalam pilihanraya bagi negeri - negeri Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Perak sebagaimana dakwaan Tengku Razaleigh bahawa negeri berkenaan adalah kawasan hitam bagi Barisan Nasional.

Sebelum itu, beliau mengumumkan bahawa Dewan Tertinggi Barisan Nasional akan membincangkan mengenai pilihanraya dan senarai calon dalam mesyuarat yang akan diadakan sebelum 8 Oktober ini.

"Kita kena selesaikan masalah Barisan Nasional selain daripada mendapatkan maklumat lebih awal mengenai persiapan pilihanraya," katanya.

Menurut beliau, Majlis Tertinggi UMNO pula akan bermesyuarat pada 8 Oktober dan secara tidak langsung akan membincangkan soal data pemilihan calon.

Beliau bagaimanapun akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Negeri mengenai soal pemilihan calon.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengakui bahawa masyarakat sekarang agak ghairah dengan pilihanraya dan mereka mahukan ia diadakan segera.

Melihat dari respon orang ramai ini, Barisan Nasional yakin akan mendapat kemenangan, tegas beliau.

Beliau secara berjenaka mengusik para pemberita bahawa pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi, belum habis bulan Oktober, kalau tidak bulan November.

"Saya sudah beri arahan menteri tidak boleh keluar negeri dalam bulan Oktober atau November" dan ia disambut oleh gelak ketawa Menteri Besar Tan Sri Haji Wan Mokhtar dan lain - lain yang mendengarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menolak pendapat yang mengatakan lawatannya sehingga 2 kali ke sesetengah negeri mempunyai signifikansi tertentu.

"Tidak ada signifikansi khas berhubungan dengan lawatan saya sehingga dua kali. Memang saya lawat semua negeri dua kali. Ini lawatan saya yang ketiga. Kelantan saya pergi tiga kali kerana ada Hari Peladang.

"Barangkali saya datang ke Terengganu cuma dua kali kerana kita yakin tetap menang, di Kelantan mungkin kita curiga sedikit," tegasnya.

Perdana Menteri bagaimanapun, mengingatkan bahawa walaupun Barisan Nasional yakin mencapai kemenangan tetapi perlu berusaha sepenuhnya bagi menjamin kemenangan itu.

"Kita tidak boleh kata ini kawasan selamat dan tidak perlu pergi menemui penduduknya. Itu cara tidak boleh kerana kita perlu dengar pendapat rakyat.

"Kalau Barisan menang sedikit sahaja, keadaan akan menjadi tidak stabil, seperti tahun 1969. Kita menang tapi sedikit dan akibatnya, kita kurang dihormati.

"Oleh kerana itu, kita mahu kemenangan yang tidak boleh dicabar oleh mana - mana pihak dan rakyat sendiri merasa bahawa kerajaan berwibawa untuk memerintah," katanya.

"KEPADA DIRINYA SENDIRI BUKAN PADA ORANG RAMAI"

UM 3 - OCT 1990

Oleh
Abdullah Hassan

KUALA TERENGGANU 2 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Pengerusi Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menyatakan 'ya atau tidak' bahawa beliau (Tengku Razaleigh) pernah menyatakan untuk membunuh Pas apabila partinya kuat nanti.

Perdana Menteri berkata: "Di dalam satu mesyuarat Semangat 46 yang dihadiri oleh kira - kira 200 orang di rumahnya di Kuala Lumpur, dia (Tengku Razaleigh) berkata bahawa mereka tidak harus khuatir kerana bila kita kuat, kita akan bunuh rakan - rakannya."

"Kita nak tanya dia, dia kata atau tidak. Mesti jawab tidak. Saya nak suruh dia jawab kepada dirinya sendiri bukan kepada orang ramai kerana apa juga yang kita buat, Tuhan menjadi saksinya," kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Seminar Peniaga dan Penjaja Kecil Terengganu di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Perdana Menteri bersama isteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali berada di negeri ini buat kali ketiga sejak beberapa bulan lalu dan kali ini untuk merasmikan Seminar Peniaga dan Penjaja Kecil Terengganu dan merasmikan Syarikat Peretakan Yayasan Islam Terengganu.

LIHAT MUKA 2